




# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 1 NOVEMBER 2017**




## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.10 HINGGA NO. 53 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



SOALAN NO.: 10

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
KAWASAN : SELAYANG  
TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- a) jumlah projek-projek yang dilaksanakan, jumlah yang tertangguh, menghadapi masalah kewangan, dan langkah-langkah untuk memantau pelaksanaan projek-projek; dan
- b) bilakah projek untuk memperluaskan B27 dari tol Lebuhraya Baru Lembah Klang ke bandar Rawang akan bermula.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 27 September 2017, dalam Rolling Plan 2 (RP2), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) terdapat 19 projek baru fizikal Kementerian Kerja Raya yang telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM120 juta. Pelaksanaan kesemua 19 projek tersebut masih berjalan seperti dirancang seperti berikut:

- 1 projek telah diaward kepada kontraktor
- 6 projek dalam peringkat perolehan
- 2 projek lagi dijangka akan ditender pada tahun 2017
- 3 projek adalah bagi kerja awalan/ rekabentuk dan kajian yang sedang dilaksanakan
- 4 projek dirancang untuk ditender dan diaward pada tahun 2018
- 3 projek adalah di bawah program pelbagai iaitu program menaiktaraf infrastruktur keselamatan jalan raya (255 lokasi), pembinaan semula cerun runtuh (17 lokasi) dan program mengganti jambatan sempit dan uzur (15 lokasi). Semua program pelbagai ini kini sedang giat dilaksanakan

Daripada semakan, setakat ini belum ada projek-projek tersebut yang tertangguh. Semua projek-projek ini dibincangkan secara lebih terperinci dalam mesyuarat utama Kementerian iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Kerja Raya yang diadakan pada setiap bulan bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Menaiktaraf Jalan Perindustrian Rawang (FT3209) dulunya B27 masih dalam pertimbangan dan akan dipohon dalam Rolling Plan yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL**  
**[ PENDANG ]**  
**TARIKH : 1 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 11**

**YB Dr. Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah keputusan kajian ke atas daun ketum. Apakah daun ketum mempunyai potensi komersial terutama untuk tujuan perubatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Buat masa ini, kajian yang telah dijalankan di bawah Kementerian ini ke atas daun ketum hanya meliputi kajian analisa dan pengenalpastian bahan. Hasil kajian tersebut mendapati *mitragynine* adalah merupakan kompaun aktif yang mencirikan ketum. Melalui pengamatan kajian-kajian yang telah dijalankan, kajian keberkesanan di dalam sel dan haiwan menunjukkan bahawa daun ketum berkesan sebagai penahan sakit (*analgesic dan antinociceptive*), antioksidan, penahan cirit (*antidiarrhoeal*), pengurang radang (*antiinflammatory*) dan perelaks otot (*muscle relaxant*).



Kajian keselamatan di dalam tikus menunjukkan penggunaan sekali dalam dos yang tinggi boleh menyebabkan kerosakan hati dan buah pinggang. Kajian bagi pengambilan dalam jangka masa yang panjang pula menunjukkan penurunan berat badan, kemerosotan tingkah laku dan kerosakan kepada organ dalaman. Di dalam kajian yang lain, ketum dilaporkan menyebabkan kegagalan pembentukan tulang belakang di dalam janin tikus.

Kajian pemerhatian ke atas penggunaan air daun ketum oleh manusia menunjukkan bahawa penggunaan dalam tempoh yang lama akan menyebabkan ketagihan terutama bila disalahgunakan bersama dengan dadah haram yang lain. Apabila berhenti, para pengguna mengalami tanda-tanda pengunduran atau gian (*withdrawal symptom*) seperti kesakitan otot, tidak boleh tidur (*insomnia*), keletihan melampau dan sakit dada. Terdapat juga kajian kes di mana bayi yang dilahirkan oleh ibu yang mengambil ketum dalam jangkamasa yang panjang menunjukkan tanda-tanda pengunduran dan dipercayai ketum yang diambil oleh ibunya disalurkan kepada bayi melalui uri.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, sebarang produk yang dikomersilkan bagi tujuan perubatan perlulah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan produk tersebut adalah berkualiti, selamat dan berkesan. Proses pendaftaran pula adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam *Drug Registration Guidance Document (DRGD)*

Setakat ini, KKM tidak menerima sebarang permohonan untuk mengomersilkan produk berasaskan ketum.